

# 25 pelajar Kolej Komuniti Sandakan kunjungi UMSKAL

UB 15.6.2014 A5

LABUAN: Seramai 25 pelajar Kolej Komuniti Sandakan telah mengadakan lawatan sambil belajar ke

Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) Jumaat lalu.

Rombongan itu diketuai Ketua Program Kursus Pelancongan dan Pengembala, Junainah

Justin dan Mohd Najib Ahmad selaku pelajar kursus tersebut.

Selain UMS Labuan, rombongan yang diiringi tiga pensyarah itu turut melawat lokasi menarik dan tempat bersejarah seperti bekas lombong arang batu Chimney, Batu Manikar dan Tugu Perang Dunia Kedua di Tanjung Taras.

Mohd Najib berkata, lawatan itu juga mahu membantu mempromosi Wilayah Persekutuan Labuan sebagai destinasi pelancongan yang wajar dikunjungi pelancong tempatan dan antarabangsa.

Sementara itu, Ketua Bahagian Pentadbiran,

Taufek Latip mengucapkan terima kasih kepada Kolej Komuniti Sandakan yang sudi memilih UMS Labuan sebagai salah satu lokasi yang dilawati.

Katanya, pihak pentadbiran UMSKAL yang diterajui Pengarah, Prof. Madya Dr. Ismail Ali dan Timbalan Pendaftar, Zamri Mohamad Tuah sentiasa mengalu-alukan kunjungan pelawat dari dalam dan luar negara.

Beliau yakin lawatan singkat itu akan mengukuhkan lagi hubungan antara kedua-dua pihak terutama yang membabitkan pelajar Kolej Komuniti Sandakan dan UMS Labuan.



**TAUFEK** (tiga kiri) menyampaikan cenderamata kepada wakil Kolej Komuniti Sandakan yang mengunjungi UMS Labuan Jumaat lalu.